



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOBOMR PENOAFOTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. DATO' HJ IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalaman

MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOHTAR

Pengerusi Zon Selangor

SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Terengganu

HJ NORZAINI B. HUSSIN

Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(50)

15 OKTOBER 2020

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE - 50/2020:
PERLUASAN CAPAIAN PROGRAM SARINGAN PRIHATIN (PSP) PERKESO BAGI NEGERI YANG TERLIBAT DENGAN PERTAMBAHAN KES COVID-19 YANG TINGGI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PERKESO telah meluaskan capaian Program Saringan Prihatin (PSP) untuk saringan COVID-19 kepada semua pencaerum PERKESO termasuk pekerja tempatan dan juga pekerja asing bagi semua sektor di **negeri Kedah, Sabah, Selangor, Kuala Lumpur, termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya. Negeri-negeri lain tidak termasuk dalam perluasan capaian PSP buat masa ini.**

3. Berikutan perluasan capaian ini, PSP adalah terbuka kepada semua pencaerum PERKESO yang bekerja dengan majikan di negeri-negeri berkenaan dalam semua sektor pekerjaan serta **yang masih belum menggunakan kemudahan ini sebelum ini** melalui kaedah *Reverse Transcriptase Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR). Saringan COVID-19 yang ditawarkan di bawah PSP adalah **sah untuk sekali saringan sahaja.**

4. Kemudahan PSP PERKESO boleh dibuat melalui dua cara iaitu:

4.1 Subsidi Saringan Prihatin; atau

4.2 Saringan secara percuma melalui janjitemu bersama Panel Perkhidmatan PERKESO. Kemudahan ini terhad untuk dijalankan melalui majikan sahaja

Subsidi Saringan Prihatin

Bagi majikan yang ingin menggunakan kemudahan PSP melalui Subsidi Saringan Prihatin, saringan COVID-19 boleh dijalankan **melalui makmal selain daripada panel perkhidmatan PERKESO.** Kos saringan hendaklah dibayar oleh majikan terlebih dahulu. Majikan boleh mengemukakan permohonan untuk Subsidi Saringan COVID-19 melalui laman sesawang (**<https://ssp.perkeso.gov.my>**). PERKESO akan membuat bayaran balik subsidi sehingga **RM150.00** bagi setiap pekerja yang telah menjalani saringan COVID-19. Resit bayaran yang menyatakan nama pekerja yang menjalani saringan dan keputusan saringan hendaklah disertakan.

Seperti sedia maklum, bagi tujuan kemudahan Subsidi Saringan Prihatin, PIKM telah mengenalpasti dua (2) penyedia perkhidmatan yang menggunakan kaedah ujian RT-PCR di makmal yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu **Medisafe Sdn Bhd dan PMM Ventures Sdn Bhd** seperti mana yang dimaklumkan melalui surat Edaran PIKM ke-35/2020 bertarikh 1 Julai 2020. Ahli boleh merujuk surat edaran tersebut untuk maklumat terperinci berkaitan dua penyedia perkhidmatan di atas.

Saringan Secara Percuma Melalui Janjitemu Bersama Panel Perkhidmatan PERKESO

Selain dari kemudahan Subsidi Saringan Prihatin, majikan juga boleh menjalankan saringan untuk pekerja bersama **panel perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO** dengan membuat janjitemu untuk tujuan saringan. Majikan boleh menghubungi panel perkhidmatan yang telah dilantik melalui Direktori Panel Perkhidmatan di pautan (<https://psp.perkeso.gov.my/direktori-panel-perkhidmatan.html>). Majikan dan pekerja perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

5. Garis panduan PSP bertarikh 12 Oktober 2020 turut dilampirkan untuk rujukan Ahli-ahli PIKM.
6. Selain itu, PERKESO berhak menamatkan program ini pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh PERKESO. Sebarang pertanyaan berkenaan PSP atau Subsidi Saringan COVID-19 boleh dipanjangkan kepada PERKESO melalui emel hsp@perkeso.gov.my atau melalui talian hotline 1-300-22-8000 atau 03-4264 5089.
7. Adalah disarankan semua Ahli yang memberi perkhidmatan di negeri-negeri terbabit untuk menjalankan saringan COVID-19 bagi memenuhi kehendak kebanyakan pelanggan.
8. Berikutan kenaikan kes COVID-19 di kalangan anggota keselamatan, PIKM akan juga mengemukakan permohonan kepada Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO untuk memberi kebenaran kepada Ahli-ahli PIKM yang telah menggunakan PSP sebelum ini untuk membuat saringan semula dengan menggunakan program tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KU NORAZMI BIN DATO' HJ IMAM ASMAWI
Setiausaha Kehormat

B/P: Presiden